

# UMS, IDS perkasa rehabilitasi bekas banduan

UB 17.06.2023 P.02

## Bantu pihak JPM hasilkan satu ekosistem kajian Pengesahan Bekas Banduan

**KOTA KINABALU:** Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian Penyelidikan UMS dan Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS), di Wisma IDS, di sini, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof. Ir. Dr. Rosalam Sarbatly berkata, program itu antara lain bertujuan membantu pihak Jabatan Penjara Malaysia (JPM) menghasilkan satu ekosistem kajian Pengesahan Bekas Banduan yang mengikuti dua program kelolaan PPIB sejak tahun 2022.

"Program yang dikendalikan oleh PPIB itu ialah projek The Scholars bagi banduan muda dan The Enrichment bagi banduan dewasa.

"Dalam projek penyelidikan ini, IDS menyumbang-



**KERJASAMA:** Sesi pertukaran cenderahati antara IDS dan UMS sempena majlis menandatangani baru-baru ini.

kan dana bernilai RM35,000 untuk membangunkan aplikasi pengesahan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Menurut Dr. Rosalam, projek itu akan diterajui oleh penyelidik-penyalidik UMS merupakan satu bentuk ker-

jasama yang julung kali ini diadakan dengan kerjasama IDS dan JPM.

"Adalah menjadi harapan agar semua perancangan bagi perjanjian penyelidikan ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan membawa hasil sekali gus membawa manfaat

besar bukan sahaja kepada golongan bekas banduan, tetapi juga kepada semua pemegang taruh di Sabah dan Malaysia secara keseluruhannya.

"Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak IDS dan JPM yang telah menyambut baik ker-

jasama ini.

"Tahniah juga diucapkan kepada Dekan PPIB, Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng atas sokongan beliau terhadap para penyelidik dari PPIB, khususnya kepada Dr. Esther Jawing dan Junaidah Januin yang telah memulakan inisiatif kerjasama ini," tambah Dr. Rosalam.

Majlis perasmian majlis tersebut disempurnakan Ketua Pegawai Eksekutif IDS, Prof. Madya Datuk Ts. Dr. Ramzah Dambul.

Hadir sama, Pengarah Penjara Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, Timbalan Komisioner Penjara Hajah Nora Musa bersama Timbalan Pengaruhnya, Penolong Kanan Komisioner Abd Rauf Lang Pasih; Pengarah Penjara Pusat Kota Kinabalu, Penolong Kanan Komisioner Teyun Thian Eim; dan Dekan PPIB UMS, Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng.